



“
Kerajaan yang baik
mewariskan **keadilan**.
Keadilan itulah lahirnya
kemakmuran
yang berkekalan.
”

selangorkini

SHAH ALAM - Rancangan Selangor Kedua (RS-2) disusun untuk memastikan setiap keluarga di Selangor menikmati limpahan kemajuan negeri dengan adil dan saksama, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Jelas beliau, keadilan adalah persoalan penting yang muncul sepanjang zaman dan dibahaskan dalam semua peradaban.

"Setiap tamadun yang besar mewartakan kepada generasi selepasnya bukan sekadar monumen, istana atau kekayaan. Ia mewariskan satu persoalan: keadilan sebagai asas sebuah tamadun," katanya, dalam ucapan membuka pembentangan Rancangan Selangor Kedua (RS-2) di Dewan Negeri Selangor pada 7 Ogos.

Ucapannya menggali makna keadilan yang dikupas oleh ahli falsafah Yunani, Aristotle, sampailah kepada pemikir moden, John Rawls dan Amartya Sen. Beliau juga meneliti persoalan sama yang dihuraikan oleh Ibnu Khaldun dalam karya terkenalnya Muqaddimah serta Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu karya Tun Seri Lanang yang berpijak di alam Melayu.

Beliau juga menyebut gagasan ekonomi manusiawi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang turut merangkul kesemua kelima-lima pemikiran itu.

Menurut Amirudin, beliau melihat ada satu ikatan yang menarik dalam semua pemikiran itu, yang merentas tamadun dan peradaban.

"Maka persoalannya sekarang bukan lagi apakah itu keadilan?"

"Persoalannya adalah, bagaimanakah kita menterjemahkan keadilan itu menjadi dasar? Bagaimanakah kita menterjemahkan falsafah menjadi tindakan?"

"Bagaimanakah kita memastikan cita-cita itu dirasai oleh setiap keluarga di Selangor?"

Jawapan kepada persoalan itulah yang melahirkan Rancangan Selangor Kedua," katanya.

RS-2 asas agihan pertumbuhan adil



RS-2 yang berjalan bagi tempoh tahun 2026 hingga 2030 menetapkan enam kerangka misi merangkumi 25 bidang keutamaan dengan 98 inisiatif adalah lanjutan daripada RS-1 yang bermula pada tahun 2021.

Ia disusun untuk memacu ekonomi negeri dengan memastikan antaranya pembangunan daerah yang seimbang, menjadikan Selangor negeri penyayang dan berdaya huni, serta menjamin penyampaian kerajaan yang berkesan dan mesra rakyat.

“

Setiap tamadun yang besar mewariskan kepada generasi selepasnya bukan sekadar monumen, istana atau kekayaan. Ia mewariskan satu persoalan: keadilan sebagai asas sebuah tamadun.”

DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

Ikrar kepada rakyat demi masa depan lebih baik

“

Ia adalah ikrar bahawa kita akan terus melabur dalam ilmu, penyelidikan, inovasi dan modal insan. Ia adalah ikrar bahawa pertumbuhan ekonomi tidak boleh dipisahkan daripada keadilan sosial.”

SHAH ALAM - Rancangan Selangor Kedua (RS-2) bukan hanya satu pelan pembangunan negeri untuk tempoh lima tahun sehingga 2030 tetapi adalah ikrar kerajaan negeri kepada semua rakyat Selangor untuk masa depan yang lebih baik, kata Dato' Menteri Besar Selangor Dato' Seri Amirudin Shari.

"Ia adalah ikrar bahawa kita akan terus melabur dalam ilmu, penyelidikan, inovasi dan modal insan. Ia adalah ikrar bahawa pertumbuhan ekonomi tidak boleh dipisahkan daripada keadilan sosial.

"Ia adalah ikrar bahawa setiap anak di Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Klang, Kuala Langat, Sepang,

Petaling, Gombak dan Hulu Langat berhak melihat masa depan dengan penuh keyakinan," katanya.

Dalam pembukaan ucapannya membentangkan RS-2 di Dewan Negeri Selangor hari ini, Amirudin menggariskan konsep keadilan sebagai asas falsafah dasar dan pelan pembangunan yang dirancang untuk lima tahun ini.

Beliau memetik buah pemikiran cendekiawan dunia mengenai keadilan dan kenegaraan, dari tamadun Yunani sampailah ke dunia moden serta rumusan daripada tamadun Islam dan alam Melayu.

"Saya menegaskan keadilan bukan sekadar cita-cita moral.

"Keadilan ialah strategi pembangunan kerana daripada keadilan lahirnya kepercayaan," katanya.

Jelas Amirudin, dengan kepercayaan itulah juga akan wujudnya keyakinan, pelaburan, serta pekerjaan, dan seterusnya, melahirkan masyarakat yang bermaruah dan punya masa depan.

"Inilah rantaian kemakmuran yang sebenar," tambahnya.

RS-2 berhasrat antara lain menjadikan Selangor negeri pertama di Malaysia dengan ekonomi bernilai RM500 bilion, menawarkan peluang pekerjaan bergaji tinggi kepada rakyat serta merapatkan jurang ekonomi antara semua sembilan daerahnya.

RS-1 capai 79 peratus kejayaan

Nilai ekonomi berkembang RM133.3 bilion

Oleh AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Nilai ekonomi Selangor mencecah RM460.1 bilion dengan peningkatan sebanyak RM133.3 bilion atau 28.97 peratus sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Menurut Dato' Menteri Besar, pencapaian itu dicatat ketika dunia berdepan cabaran termasuk pandemik Covid-19 dan konflik Rusia-Ukraine yang menjejaskan rantai bekalan makanan global.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata kejayaan tersebut juga hasil usaha pemulihan ekonomi yang dijalankan Kerajaan Negeri bersama sumbangan seluruh rakyat Selangor.

"Pencapaian tersebut hasil sumba-

ngan setiap rakyat Selangor bermula daripada usaha pekerja kilang dan guru di sekolah kepada petugas yang membersihkan taman serta menurap jalan.

"(Ia) termasuk pemandu bas serta penunggang e-panggilan sehinggalah kepada usahawan, peniaga gerai PLATS serta penjawat awam," katanya semasa membentangkan RS-2 di Dewan Negeri Selangor pada 7 Ogos.

Beliau menjelaskan sebanyak 79 peratus daripada keseluruhan ikhtiar dicapai dan berada dalam pelbagai fasa pelaksanaan, selain melepasi sembilan daripada 16 indikator.

Menurut Amirudin, pencapaian yang direkod antaranya pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 7.5 peratus secara konsisten, melebihi sasaran awal 6.5 hingga 7.0 peratus setiap tahun.



Pencapaian tersebut hasil sumbangan setiap rakyat Selangor bermula daripada usaha pekerja kilang dan guru di sekolah kepada petugas yang membersihkan taman serta menurap jalan.

Katanya, nilai pelaburan, guna tenaga, pendapatan median isi rumah bulanan juga melebihi sasaran sebanyak RM1,436 sebulan kepada RM10,736 berbanding RM9,290 yang ditetapkan.

"Kadar kemiskinan relatif turut diku-

rangkan kepada 8.5 peratus, Indeks Kebahagiaan meningkat ke 7.21 berbanding sasaran 7.00, selain bekalan air bersih terus disediakan tanpa gangguan terutamanya akibat pencemaran sungai.

"(Selain itu), keluasan hutan simpan kekal meningkat kepada 31.7 peratus, tahap kepuasan rakyat terhadap perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) melebihi sasaran sehingga 94.71 peratus," katanya.

RS-1 yang dibentangkan pada 27 Julai 2022 merupakan pelan pembangunan komprehensif pertama Kerajaan Negeri yang menggariskan 16 indikator utama bagi mengukur pencapaian negeri.

Ia dibangunkan berasaskan empat tema utama, iaitu ekonomi, sosial, kelestarian dan tadbir urus, dengan matlamat menjadikan Selangor negeri pintar, berdaya huni dan makmur menjelang 2025.

Ruang tingkat pelaksanaan RS-1

SHAH ALAM - Terdapat ruang besar untuk Kerajaan Negeri meningkatkan tahap pelaksanaan dan kemampuan sistem kerajaan untuk menjayakan Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Dato' Menteri Besar memberitahu perkara itu antaranya perkhidmatan digital, prestasi pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pelaksanaan projek pemacu yang ditetapkan dalam RS-1.

"Antara iktibar utama yang diterima pasukan kami daripada pengalaman sepanjang Rancangan Selangor Pertama adalah kepentingan projek infrastruktur kritikal yang berimpak tinggi.

"Selain itu, kepentingan bakat tempatan yang sepadan dengan keperluan industri juga merupakan antara tunjang utama supaya Selangor tidak bergantung hanya kepada pelaburan asing (FDI) dan melebihi nisbah pelaburan tempatan," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata demikian dalam pembentangan RS-2 di Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 7 Ogos. Kandungan pelan lima tahun mulai tahun 2026 hingga 2030 akan dibahas pada 10 Ogos.

Amirudin mengakui tujuh daripada 16 petunjuk belum dicapai antaranya tahap kualiti udara, penarafan sistem bintang PBT, perkongsian perkhidmatan kerajaan digital, Projek Pemacu Perubahan, kadar kitar semula dan kadar kemiskinan mutlak.

"Kita menyasarkan untuk mengurangkan kadar kemiskinan mutlak kepada 0.7 peratus, tetapi kita mampu mengurangkan kadar ini daripada 1.7 peratus sebelum RS-1 kepada kadar 0.9 peratus," katanya.

Menyentuh isu bantuan kebajikan kerajaan kepada rakyat, beliau menegaskan isu tersebut perlu dilihat daripada kesan positif jangka panjang yang boleh mengangkat taraf kehidupan penerima.

Katanya, bantuan kebajikan perlu dilihat dari aspek kemampunan, keberkesanan dan pemberdayaan iaitu sama ada golongan penerima berupaya keluar daripada kebergantungan kepada kerajaan.

"Sama ada mereka yang menerima bantuan setelah dua hingga tiga tahun dapat keluar daripada kebergantungan bantuan dan menerima peluang pekerjaan dengan gaji yang lebih berpatutan," katanya.

Turut menyentuh isu perubahan iklim yang perlu ditangani lebih cekap, Amirudin memberitahu tiada gangguan bekalan sepanjang 2025 hasil pelaksanaan Skim Jaminan Air Mentah yang terkandung dalam RS-1.

"Disebabkan itu, tahun 2025 merupakan tahun pertama di dalam sejarah Selangor di mana tiada gangguan bekalan air yang berpuncakan pencemaran sungai.

Kediaman Kondominium Di Damansara Perdana

FOREST HILL
RESIDENCES

7% Diskaun Bumiputera Unit Terhad!



Kepadatan Rendah

618 Unit Sahaja

Saiz Unit

678 - 1,527 sq.ft.

Semua Unit lengkap dengan

Separa Berperabot

Ketenangan Fikiran

Keselamatan Multi-Tier

Pemandangan Panorama

Bukit dan Bandar

Susun Atur Praktikal

Ruang Tamu & Dapur Luas

DIJANGKA SIAP DALAM MASA 1 TAHUN

Dibangunkan oleh:

FOREST HILL
A member of Ehsan Bina Group

Ketahui Lebih Lanjut:

017 338 5955
www.foresthilldamansara.com



Pemaju: Forest Hill Damansara Land Sdn. Bhd. (200401000534) (639037-D)

No. Lesen Pemaju: 12225/12-2026/0866(A) • Tempoh Sah: 16/12/2016 - 15/12/2026 • Iklan dan Jualan: 12225-2/01-2027/0963(R)-(S) • Tempoh Sah: 16/1/2026 - 15/1/2027 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya • No. Rujukan Pelan Bangunan: MBPJ/120100/T/P10/532/2020(7) • Tarikh Dijangka Siap: Mac. 2027 • Pengangan Tanah: Pajak Tanah (Tempoh tamat pada 4.8.2115) • Bebanan Tanah: RHB Bank • Jenis Bangunan: Pangasapuri Kos Bebas • Harga Jualan Blok A (324 unit) - RM645,600.00 (Min.) - RM1,138,300.00 (Maks.) • Blok B (294 unit) - RM399,000.00 (Min.) - RM1,100,200.00 (Maks.) • Keseluruhan Bangunan: 678 kaki persegi - 1527 kaki persegi • Diskaun Bumiputera 7% • Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Keadilan asas strategi

Petikan ucapan YAB Dato' Menteri Besar Selangor membentangkan Rancangan Selangor Kedua (RS-2) di Dewan Negeri Selangor pada 7 Ogos 2026.

Saya ingin menyatakan dengan penuh hormat bahawa terlalu lama politik negara kita dipenjarakan oleh imaginasi yang sempit. Selama berdekad-dekad, sesetengah kelompok membina pengaruhnya melalui politik identiti.

Naratifnya sering berlegar di sekitar ketakutan. Ketakutan kehilangan kuasa. Ketakutan kehilangan hak. Ketakutan terhadap pihak yang berbeza.

Hari ini, ada pihak mengulangi pendekatan yang sama, malah dalam banyak keadaan dengan nada yang lebih keras dan lebih sempit.

Saya tidak menafikan bahawa bangsa itu penting. Saya tidak menafikan bahawa agama ialah asas akhlak dan pembentukan peribadi. Kedua-duanya adalah sebahagian daripada jati diri negara ini. Tetapi tugas kerajaan tidak berhenti pada mempertahankan identiti.

Tugas kerajaan

Tugas kerajaan ialah menterjemahkan identiti itu kepada kemajuan. Kepada ilmu. Kepada inovasi. Kepada produktiviti. Kepada tadbir urus yang bersih. Kepada peluang yang lebih luas untuk rakyat.

Masalah terbesar politik identiti bukan kerana ia terlalu banyak bercakap tentang bangsa atau agama. Masalahnya ialah ia terlalu sedikit bercakap tentang masa depan.

Kita jarang mendengar perbincangan yang mendalam tentang bagaimana Malaysia harus menjadi peneraju kecerdasan buatan, bagaimana kita mahu menguasai rangkaian nilai semikonduktor, bagaimana kita mahu membina ekonomi hijau yang berdaya saing, bagaimana kita mahu memperkukuh universiti penyelidikan, bagaimana kita mahu melahirkan lebih ramai penyelidik, jurutera dan pencipta teknologi sedangkan dunia sedang berubah dengan begitu pantas.

Kecerdasan buatan sedang mengubah cara manusia bekerja. Perubahan iklim sedang mengubah ekonomi dunia. Persaingan geopolitik sedang membentuk semula rangkaian bekalan global. ASEAN sedang muncul sebagai salah sebuah pusat pertumbuhan ekonomi dunia.

Persoalannya bukan lagi sama ada perubahan itu akan berlaku. Persoalannya ialah sama ada kita bersedia memimpinya.

Saya percaya rakyat Selangor sudah bersedia meninggalkan politik yang sentiasa mencari musuh. Kerana membina musuh jauh lebih mudah daripada membina universiti.

Membangkitkan kemarahan jauh lebih mudah daripada membangunkan industri.



Menabur fitnah jauh lebih mudah daripada melaksanakan reformasi. Tetapi sejarah tidak pernah mengingati mereka yang memilih jalan paling mudah.

Sejarah mengingati mereka yang berani membina. Athens dikenang kerana falsafahnya. Baghdad dikenang kerana ilmunya.

Kalau ada pun yang dikenang kerana kebencian, mereka adalah seperti kelompok seumpama Firaun, Hitler, mahupun Stalin atas sebab kezaliman dan kerakusan yang membawa kehancuran.

Tiada sebuah tamadun menjadi agung kerana kebenciannya. Mereka menjadi agung kerana keberanian mereka membina masa depan. Dan sebab itulah saya percaya bahawa:

Politik ketakutan memerlukan musuh. Politik keadilan memerlukan institusi. Politik kebencian memerlukan kambing hitam. Politik pembangunan memerlukan keberanian untuk melakukan pembaharuan. Kerana kerajaan tidak dipilih untuk mengurus kemarahan rakyat. Kerajaan dipilih untuk mengurus harapan rakyat.

Pilihan

Setiap generasi diberikan peluang untuk memilih. Ada generasi yang memilih untuk hidup dalam bayang-bayang kejayaan masa lalu. Ada generasi yang memilih untuk menyalahkan orang lain atas kegagalan hari ini.

Manakala itu pentadbiran ini mewakili generasi yang memilih untuk membina masa depan. Kita menginsafi bahawa sering kali masa depan sesebuah negeri sebenarnya bergantung kepada kebijaksanaan rakyatnya, keberanian pemimpinnya dan kekuatan institusinya.

Sebab itulah Rancangan Selangor Kedua bukan sekadar sebuah pelan pembangunan lima tahun. Ia adalah ikrar bahawa Selangor akan terus memperbaharui dirinya. Ia adalah ikrar bahawa kita tidak akan berpuas hati dengan kejayaan semalam.

Ia adalah ikrar bahawa kita akan terus melabur dalam ilmu, penyelidikan, inovasi

dan modal insan. Ia adalah ikrar bahawa pertumbuhan ekonomi tidak boleh dipisahkan daripada keadilan sosial.

Ia adalah ikrar bahawa setiap anak di Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Klang, Kuala Langat, Sepang, Petaling, Gombak dan Hulu Langat berhak melihat masa depan dengan penuh keyakinan.

Godaan

Saya menegaskan keadilan bukan sekadar cita-cita moral. Keadilan ialah strategi pembangunan kerana daripada keadilan lahirnya kepercayaan. Daripada kepercayaan lahirnya keyakinan. Daripada keyakinan lahirnya pelaburan. Daripada pelaburan lahirnya pekerjaan. Daripada pekerjaan lahirnya maruah, dan daripada maruah lahirnya sebuah masyarakat yang yakin terhadap masa depannya. Inilah rangkaian kemakmuran yang sebenar.

Mutakhir ini filem *The Odyssey* yang diarahkan Christopher Nolan telah pecah panggung. Filem tersebut disadur daripada syair Greek kuno Homer. Homer menceritakan kepada kita bagaimana Odysseus yang merindui isterinya Penelope, akhirnya berjaya pulang ke Ithaca setelah mengharungi pelbagai ujian. Namun sebelum tiba ke Ithaca, di tengah pelayarannya, beliau mengetahui bahawa kapalnya akan melalui godaan Siren.

Beliau tidak dapat menghapuskan godaan itu. Beliau tidak dapat menghentikan nyanyian Siren. Tetapi beliau boleh memastikan bahawa nyanyian itu tidak menentukan arah pelayarannya.

Beliau mengikat dirinya pada tiang kapal. Bukan kerana beliau lemah. Tetapi kerana beliau memahami bahawa seorang pemimpin yang baik mesti mempunyai prinsip yang lebih kuat daripada godaan yang dihadapinya.

Odysseus dikenali sebagai seorang *polytropos*, *man of many minds*, seorang yang cekap berdepan tantangan, licik melemahkan musuh, penuh muslihat, cekal dan berwibawa. Berteraskan kekuatan tersebutlah



Masalah terbesar politik identiti bukan kerana ia terlalu banyak bercakap tentang bangsa atau agama. Masalahnya ialah ia terlalu sedikit bercakap tentang masa depan. Kita jarang mendengar perbincangan yang mendalam tentang bagaimana Malaysia harus menjadi peneraju kecerdasan buatan.”

dia mengharungi nyanyian siren.

Saya percaya, setiap zaman mempunyai Sirennya sendiri. Ada Siren yang menyanyikan lagu kebencian. Ada Siren yang menyanyikan lagu populisme. Ada Siren yang menyanyikan lagu perpecahan. Ada Siren yang menjanjikan jalan pintas kepada masalah yang rumit.

Namun sejarah mengajar kita bahawa jalan pintas jarang sekali membawa kepada destinasi yang benar. Selangor juga sedang belayar. Belayar dalam dunia yang semakin mencabar. Belayar dalam ekonomi yang semakin kompetitif. Belayar dalam zaman yang dipacu oleh kecerdasan buatan, inovasi dan persaingan global.

Kita tidak boleh mengawal angin. Kita tidak boleh menghentikan ombak. Tetapi kita boleh memilih kompas yang akan memandu pelayaran ini. Dan saya percaya, kompas itu mestilah keadilan.

Justeru keadilan kita membina institusi yang diyakini. Hanya dengan institusi yang diyakini kita menarik pelaburan. Hanya dengan pelaburan kita mencipta peluang. Hanya dengan peluang kita mengangkat martabat rakyat.

Rakyat yang bermaruah kita mampu membina sebuah tamadun yang berkekalan. Maka dengan penuh rasa tanggungjawab, penuh rasa rendah diri dan penuh keyakinan terhadap potensi rakyat Selangor, marilah kita bersama-sama melangkah ke hadapan.

Bukan dengan politik yang mengecilkan imaginasi rakyat. Bukan dengan politik yang memecah-belahkan masyarakat.

Tetapi dengan politik yang membina institusi. Politik yang memperluaskan peluang. Politik yang meletakkan manusia sebagai tujuan utama pembangunan. Akhirnya, kerajaan yang baik tidak meariskan kemewahan semata-mata.

Kerajaan yang baik mewariskan keadilan. Keadilan itulah lahirnya kemakmuran yang berkekalan.

Hasil pendanaan sektor semikonduktor

10,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2030

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Selangor menjangka keseluruhan rantaian sektor semikonduktor yang terkandung dalam Rancangan Selangor Kedua (RS-2) menawarkan 10,000 peluang pekerjaan menjelang 2030.

Menurut Dato' Menteri Besar, sasaran itu berdasarkan pendanaan Kerajaan Negeri yang berpandu kepada dua strategi iaitu dana modal teroka serta pelaburan domestik dan antarabangsa.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata 800 peluang kerja berpendapatan tinggi dalam bidang elektrik dan elektronik

ditawarkan hasil peluasan Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu (IC) Cyberjaya fasa dua.

Bidang itu antara lima sektor yang menjadi tumpuan dalam Rancangan Selangor Kedua (RS-2).

Beliau menjelaskan bakat tempatan akan dilengkapi keupayaan reka bentuk cip selain melahirkan sekurang-kurangnya lima syarikat bernilai lebih RM500 juta.

"Inisiatif pembangunan ini membolehkan syarikat-syarikat Selangor dapat memiliki hak harta intelek bagi reka bentuk cip litar bersepadu yang menjadi tulang belakang ekonomi digital dunia," katanya.

Bulan lalu, EXCO Pelaburan Ng Sze Han berkata 850 jurutera dilatih dalam ekosistem Taman Reka Bentuk IC sepanjang dua tahun lalu, malah peserta memperoleh penempatan latihan industri atau pekerjaan tetap.

Amirudin juga memaklumkan Lembah Beringin High Tech Auto Valley di Hulu Selangor yang menjadi hab automotif bertaraf tinggi akan diperkasa dengan industri pembuatan kenderaan elektrik.

Beliau berkata hab itu bertujuan menarik pelaburan modal swasta dan memperkasa kerjasama strategik tempatan dan antarabangsa di samping menghidupkan semula kegiatan ekonomi daerah.


Katanya, fasa pertama pembangunan dijangka membuka 300 peluang pekerjaan, dengan langkah awal pelaksanaan melibatkan penyerahan tanah kepada Chery, syarikat automotif terbesar di China.

Pada Jun, Amirudin berkata projek Taman Perindustrian Automotif Pintar Chery melibatkan pelaburan RM2 juta akan mengukuhkan kedudukan Hulu Selangor sebagai hab pembuatan automotif.

Projek berkenaan yang dijangka memulakan operasi pada suku pertama tahun depan dijangka mewujudkan ribuan peluang pekerjaan selain menjadi ekosistem pembuatan automotif skala besar.

BIDANG KEUTAMAAN

ELEKTRIK & ELEKTRONIK (E&E)



- Projek Pembangunan Semikonduktor jana lebih 10,000 pekerjaan berkemahiran tinggi menjelang 2030
- Dana Semikonduktor Selangor (Pelaburan VC)
- **MALAYSIA SEMICONDUCTOR IC DESIGN PARK**
- Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu (IC) Cyberjaya sasar lahirkan sekurang-kurangnya lima syarikat bernilai lebih RM500 juta)

AEROANGKASA



- **SELANGOR AERO PARK @ KLIA Aeropolis**
- Selangor Aero Park @ KLIA Aeropolis sasar pelaburan langsung bernilai tinggi dan wujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi
- Subang Airport Regeneration Plan (SARP) letakkan Malaysia sebagai hab aeroangkasa dan penerbangan perniagaan pilihan di rantau ini

AUTOMOTIF



- Green Industrial Park (GRIP) tingkatkan Selangor dalam rantaian nilai automotif, tarik pelaburan langsung daripada pemain EV dunia
- Lembah Beringin High Tech Auto Valley



EKONOMI DIGITAL



- Selangor Digital Future Action Plan 2026-2030

EKONOMI KREATIF



- Selangor Creative Economy Advancement Hubs (SEL-CREATE Hubs) sasar tubuh empat hingga enam hab menjelang 2028 bagi bangunkan ekosistem industri kreatif serantau

Sasar KDNK 6.1 peratus

SHAH ALAM - Selangor menyasar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 6.1 peratus menjelang 2030 merangkumi bidang elektrik dan elektrikal, aeroangkasa dan automatik serta ekonomi digital dan ekonomi kreatif.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia bertujuan memperkukuh pelaburan dengan sasaran keseluruhan RM330 bilion dan mengurangkan kadar pengangguran kepada 2.2 peratus.

"Menjelang 2030, Selangor akan menjadi hab industri maju dan inovasi. Peningkatan produktiviti melalui automasi akan memastikan daya saing kos dan pertumbuhan upah mampan.

"Sokongan strategik kepada syarikat tempatan akan memperdalam hubungan rantaian bekalan, mempelbagai pengeluaran bernilai tinggi dan mengurangkan kebergantungan import sekali gus mengekalkan pertumbuhan ekonomi kukuh," katanya.

Sasaran itu sebahagian misi pertama RS-2 yang menjadi tulang belakang kerangka pembangunan negeri antara tahun 2026 hingga 2030 melalui enam misi merangkumi 25 bidang dan 98 inisiatif.

Amirudin juga memberitahu sektor aeroangkasa menyasar pelaburan bernilai tinggi sekali gus memperkukuh Selangor sebagai hab aeroangkasa utama rantau ini.

Bina laluan berbumbung ke stesen LRT

Rancang bina bandar mesra pejalan kaki

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor mahu mewujudkan persekitaran bandar mesra pejalan kaki atau walkable cities dalam Rancangan Selangor Kedua (RS-2).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata laluan pejalan kaki berbumbung dalam lingkungan 500 meter akan dibina dari setiap stesen tren untuk keselesaan orang ramai.

"Kerajaan turut akan mewajibkan satu hentian bas di setiap kawasan Rumah Selangorku Idaman dan Rumah Selangorku Harapan. Langkah ini agar pembeli rumah mampu milik turut dapat menggunakan pengangkutan awam," kata beliau.

Katanya, perancangan berdasarkan penggunaan teknologi akan dibuat bagi meneliti lokasi kerap sesak, kawasan tumpuan awam dan memeta taman perumahan yang memerlukan hentian bas kecil.

Menurut Amirudin, Pelan Induk Mobiliti Negeri Selangor akan merangkumi setiap aspek supaya Selangor menjadi satu-satunya negeri yang menawarkan sistem pengangkutan awam yang mesra dan selesa kepada pengguna.

Katanya, perancangan berkenaan akan mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam lantaran Selangor mahu penggunaannya ditingkatkan kepada 60 peratus berbanding kira-kira 40 peratus pada masa ini.

Beliau menjelaskan kekerapan pengangkutan awam juga akan ditambah bagi membawa penumpang dari stesen bas ke stesen Transit Aliran Ringan (LRT) dan Transit Aliran Massa (MRT).

Katanya, Kerajaan Negeri akan menyesuaikan semula perkhidmatan atas permintaan (DRT) supaya kemudahan tersebut ditumpukan bagi memudahkan pergerakan orang ramai ke kawasan komersial.

"Projek perintis DRT telah memberi kita beberapa pengalaman berguna dan perlu disesuaikan semula supaya tiada pertindihan antara fungsi bas, bas mini dan van," katanya.

Amirudin berkata Selangor harus menegerakan transisi dari kebergantungan

kepada kenderaan peribadi kepada pengangkutan awam lantaran jajaran LRT3 telah pun dipanjangkan ke Klang.

"Hal ini kerana enam daripada 12 pihak berkuasa tempatan di Selangor telah dihubungkan dengan perkhidmatan LRT dan MRT iaitu Klang, Shah Alam, Subang Jaya, Petaling Jaya, Ampang Jaya dan Kajang," katanya.

April lalu, EXCO Mobiliti, Ng Sze Han berkata Pelan Induk Mobiliti Negeri Selangor yang merangkumi pembangunan menyeluruh jaringan pengangkutan awam dijangka dilancar tahun depan.

Draf pertama pelan tersebut, yang turut mengambil kira keperluan masa depan termasuk laluan pejalan kaki dijangka siap tidak lama lagi.

Peluang saksama rentas daerah

SHAH ALAM - Rancangan Selangor Kedua (RS-2) memberi penekanan terhadap pembangunan seimbang dan peluang saksama merentasi daerah melalui 10 inisiatif.

Menurut Dato' Menteri Besar, ia akan merapatkan jurang dari aspek pendapatan individu dan isi rumah mahupun antara lokaliti atau daerah, selaras asas pembangunan berpaksi keadilan sosial.

Dato' Seri Amirudin Shari berhasrat memperluas prinsip 'no one will be left behind' (tiada individu ketinggalan) kepada 'no district will be left behind' (tiada daerah ketinggalan).

Justeru, beliau berkata pembangunan di wilayah utara akan diteruskan melalui Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) yang akan digerakkan dengan lebih pantas.

"Beberapa usaha seperti Selangor Biosphere Reserve serta pusat pendaratan makanan laut di Sekinchan termasuk Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Air Manis akan menjadi asas bagi menyegarkan kawasan utara Selangor," katanya.

Amirudin menjelaskan Pembangunan Serantau Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS) pula menyaksikan lima projek utama bagi memacu pertumbuhan di daerah Sepang dan Kuala Langat.

Projek itu adalah Amverton Cove Eco-Integrated, Sepang Gold Coast Global Village, Hab AgTech dan Sains Hayat Bersepadu bagi penyelidikan agro dan keselamatan makanan, Able Global Complex serta NCT Smart Industrial Park.

Katanya, Selangor juga akan membangunkan semula Kampung Fajar dan menaik taraf Taman Rekreasi Mangrove Point di Sungai Klang melalui Zon Pembangunan Ekonomi Selangor Maritime Gateway (ZPE-SMG).

Menurut Amirudin, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan dalam membangunkan Pelabuhan Ketiga Pulau Carey supaya kerja perancangan awal berkaitan konsep, kaedah dan hala tuju dapat melonjakkan Selangor ke tahap lebih tinggi.

PERANCANGAN PENGANGKUTAN AWAM

SELANGOR MOBILITI



- Perluas zon DRT ke 12 PBT selain adakan sistem pengurusan tempat letak kereta pintar
- Tingkat kesalinghubungan jarak terakhir dan mobiliti bandar untuk kurangkan kesesakan dan perluas akses pengangkutan awam



PELAN INDUK MOBILITI NEGERI SELANGOR

- Sediakan perancangan pengangkutan bersepadu berasaskan data meliputi 12 PBT bagi urus kesesakan dan penyelesaian jarak terakhir
- Tingkatkan infrastruktur pejalan kaki dan hab pertukaran mod pengangkutan

JAJARAN REL SELANGOR



- Hubungkan kawasan utara Selangor seperti Sabak Bernam dan Hulu Selangor ke kawasan selatan negeri

ANJUNG UTARA SELANGOR

- Kedudukannya strategik berhampiran Pelabuhan Klang, Pulau Carey dan hab automotif untuk tarik pelaburan

PELAKSANAAN PELAN INDUK JARINGAN JALAN DAN LEBUHRAYA (JALUR)



- Sediakan hala tuju pembangunan jaringan jalan raya dan lebuhraya termasuk naik taraf jalan dan sambungan jalan baharu

Oleh **UFAIRAH TARMIDZI**

Pastikan kehidupan bermaruah

Ukur keberkesanan bentuk bantuan

SHAH ALAM - Selangor akan membangunkan Indeks Kehidupan Bermaruah Selangor yang merangkumi garis ukur pelbagai dimensi selaras cabaran kehidupan di bandar bagi menangani kos sara hidup.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata indeks itu akan digerakkan melalui kerangka pembangunan unit statistik baharu bagi menilai keberkesanan program bantuan dan sokongan kepada isi rumah.

Beliau berkata penilaian setiap 12 dan 24 bulan dibuat bagi menyemak perkembangan kehidupan penerima bantuan sekali gus memastikan keberkesanan bantuan dapat dinilai secara berkala.

"Tekad pentadbiran ini adalah untuk membina sebuah negeri yang bermaruah dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat secara menyeluruh di samping memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan sejahtera," katanya.

Usaha menangani kos sara hidup antara inisiatif dalam Rancangan Selangor Kedua (RS-2) yang menyasar pembentukan Selangor sebagai negeri yang penyayang, berdaya tahan dan berdaya huni.

RS-2 menggariskan 25 inisiatif bagi memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kualiti hidup melalui pemerkasaan aspek keterjangkauan, kebolehdiaman dan kesejahteraan secara

menyeluruh.

Lima bidang keutamaan digariskan iaitu perumahan dan komuniti, kos sara hidup, penjagaan kesihatan dan kesejahteraan keluarga, budaya dan warisan serta belia dan sukan.

Amirudin menjelaskan Kerajaan Negeri turut berusaha memadankan penerima bantuan kewangan dengan program latihan dan peluang pekerjaan untuk individu yang sihat dan mampu bekerja.

"Program Bantuan dan Sokongan Isi Rumah menyediakan sokongan kewangan langsung kepada isi rumah B40 dan komuniti terdedah menerusi BINGKAS+, TUNAS dan TAWAS bagi mengukuhkan daya tahan isi rumah menghadapi tekanan kos sara hidup.

"Selain itu, Program Akses Komuniti Makanan bagi memperkukuh akses makanan dan keterjangkauan barangan keperluan asas bagi isi rumah berpendapatan rendah melalui Food Bank Selangor, Jualan Ehsan Rahmah (JER) Madani dan Jom Shopping Perayaan," katanya.



200,000 rumah mampu milik, unit sewa ditambah



SHAH ALAM - Pembinaan Rumah Selangorku diteruskan dengan sasaran 200,000 unit manakala bilangan unit rumah dalam Skim Smart Sewa ditambah menjelang tahun 2030 bagi membantu orang ramai memiliki rumah pertama.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sebanyak 200,000 unit rumah mampu milik akan dibina bagi membantu penduduk yang belum memiliki rumah melalui Dasar Rumah Selangorku Harapan dan Idaman.

"Sehingga kini, sebanyak 64,188 unit yang telah siap dibina manakala 69,014 unit lagi masih dalam pembinaan bagi memenuhi keperluan perumahan rakyat Selangor, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 133,202 unit," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata bilangan rumah sewa mampu milik sedia ada juga akan ditambah kepada 3,000 unit bagi membantu golongan belum berkemampuan memperoleh pinjaman bank.

"Sebanyak 30 peratus daripada bayaran sewa bulanan akan disimpan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk dipulangkan kepada

penyewa sebagai bayaran pendahuluan apabila mereka bersedia membeli rumah kelak," katanya.

Selain itu, Pendigitalan Masjid diperkenal bagi memodenkan infrastruktur masjid melalui penyepaduan teknologi digital sekali gus memperkukuh peranannya sebagai pusat keagamaan.

Program Kampung Baru Maju 2030 pula akan memodenkan 20 kampung baru terpilih melalui pelan induk pembangunan, naik taraf kemudahan dan pembangunan Smart Kampung Hub.

Infrastruktur kediaman awam yang uzur juga dibuat melalui Skim Ceria dan program pembangunan badan pengurusan bersama (JMB/MC) bagi mewujudkan persekitaran selamat dan bersih di kawasan padat.

Tidak ketinggalan, Program Pembangunan Orang Asli yang bakal melengkapkan usaha Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) membangunkan masyarakat berkenaan secara menyeluruh.

Dalam RS-2, sebanyak 25 inisiatif digariskan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui pemerkasaan keterjangkauan, kebolehdiaman dan kesejahteraan secara menyeluruh.



Perkasa ekonomi penjagaan

Tumpu pengesanan awal kesihatan keluarga

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Program Mental Sihat terus diperkasa dalam tempoh lima tahun akan datang bagi memperkukuh daya tahan kesihatan orang ramai melalui penekanan kepada pengesanan lebih awal.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia dibuat melalui kempen kesedaran, perkhidmatan sokongan psikososial berasaskan masyarakat dan talian penting (hotline).

Katanya, inisiatif dalam Rancangan Selangor Kedua (RS-2) memperinci ekonomi penjagaan kanak-kanak dan warga emas melalui kos berpatutan selain mewujudkan persekitaran lebih kondusif.

"Kerajaan Negeri akan memperluas akses kepada saringan kesihatan awal bagi penyakit kronik tidak berjangkit dan risiko berkaitan penuaan melalui program Selangor Saring dan Saringan Kesihatan Warga Emas bagi menggalakkan pengesanan awal dan pengubahsuaian gaya hidup.

"Jaringan keselamatan sosial untuk warga emas juga diperkukuh menerusi Khairat Darul Ehsan, Skim Mesra dan Iltizam Emas Selangor bagi menyediakan perlindungan kewangan, dan perkhidmatan penjagaan berasaskan komuniti," katanya.

Beliau berkata Kerajaan Negeri juga memperluas akses rawatan melalui Iltizam Selangor Sihat, Bantuan Sihat Selangor,

Iltizam Sihat Selangor Penjawat Awam, Skim Rawatan Jantung dan Tuberculosis (tibi).


Usaha itu meliputi institusi keluarga yang bakal menikmati program PEKER-TI, Kasih Keluarga Ceria, Pemerkasaan Bapa serta pendidikan perkahwinan dan keibubapaan bagi membina keluarga

yang berdaya tahan.

Bagi memperkasa ekonomi penjagaan, rangka kerja undang-undang dan tadbir urus akan diwujudkan melalui Selangor Care Services Enactment memastikan pemain industri menyediakan perkhidmatan berkualiti.

"Pembiayaan penjagaan jangka pan-

jang melalui Tabung Ehsan Penjagaan, Skim Perlindungan Takaful Am Keluarga dan Dasar Tempat Kerja Mesra Keluarga akan dibentuk bagi memastikan keluarga yang menjaga warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan pesakit kronik mendapat perlindungan kewangan mencukupi," kata Amirudin.



Satu Sukan, Satu PBT galak hidup sihat

SHAH ALAM - Selangor meneruskan momentum penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) melalui penekanan satu sukan satu pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menggalakkan amalan gaya hidup aktif.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif itu memastikan pembangunan sukan komuniti pada peringkat PBT lebih teratur sekali gus memperkukuh ekosistem sukan akar umbi secara bersepadu.

"Kepentingan sukan akan dipertingkatkan dengan meneruskan momentum SUKMA melalui penekanan sukan di setiap lokaliti yang merentasi latar belakang dan umur rakyat Selangor," katanya.

Inisiatif dalam Rancangan Selangor

Kedua (RS-2) itu akan membentuk pembangunan sukan komuniti pada peringkat PBT dengan memastikan setiap PBT menerajui sekurang-kurangnya satu sukan.

Pendekatan itu dapat memperluas akses kepada gaya hidup aktif, membina laluan sukan inklusif untuk orang kurang upaya (OKU) dan memperkukuh ekosistem sukan akar umbi secara bersepadu.

Penganjuran temasya SUKMA Selangor diadakan dengan kerjasama PBT di seluruh Selangor yang menjadi tuan rumah bagi setiap acara dan gelanggang perlawanan.

SUKMA Selangor edisi ke-22 dijadual berlangsung dari 15 hingga 24 Ogos,

manakala PARA SUKMA akan diadakan dari 5 hingga 10 September.

Sebanyak 468 acara daripada 37 jenis sukan dipertanding meliputi sembilan daerah membabitkan 52 gelanggang, manakala PARA SUKMA melibatkan 10 jenis sukan dengan 316 acara berlangsung di daerah Petaling dan Klang.

RS-2 juga menumpukan usaha memelihara budaya dan warisan dengan menghidupkan sejarah melalui Muzium Setem Selangor, Shah Alam Contemporary and Modern Art, Muzium Tekstil serta pemulihan Istana Bandar Kuala Langat.

Usaha berkenaan bertujuan memperkukuh identiti masyarakat, menggalakkan pelancongan budaya dan memastikan warisan negeri terus diwarisi generasi akan datang.



Kepentingan sukan akan dipertingkatkan dengan meneruskan momentum SUKMA melalui penekanan sukan di setiap lokaliti yang merentasi latar belakang dan umur rakyat Selangor

DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar





TINJAUAN RANCANGAN SELANGOR PERTAMA (RS-1)

Dibentang Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 27 Julai 2022 sebagai kerangka lima tahun pembangunan dengan memberi tumpuan kepada tema ekonomi, sosial, kelestarian dan tadbir urus.

PENCAPAIAN KESELURUHAN (SETAKAT DISEMBER 2025)

- 184 projek, program dan inisiatif siap
- 98 lagi sedang diteruskan mengikut jadual
- prestasi keseluruhan 79.11 peratus

PROJEK CAPAI SASARAN (56 PERATUS)

- Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK): Sasaran tujuh peratus, capai 7.5 peratus
- Nilai Pelaburan Diluluskan dalam Sektor Keutamaan dan Berkompleksiti Tinggi: Sasaran RM35 bilion, capai RM65.8 bilion
- Guna tenaga: Sasaran 3.8 juta, capai 3.85 juta
- Pendapatan Median Isi Rumah: Sasaran RM9,290 sebulan, capai RM10,726 sebulan
- Kadar Kemiskinan Relatif: Sasaran 11 peratus, capai 8.5 peratus
- Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (Selangor) – Sosial: Sasaran 7.00 | 7.21
- Ketersediaan Air Bersih Setiap Hari: Sasaran 24 jam, capai 24 jam
- Litupan Hutan Simpan Kekal: Sasaran 31 peratus, capai 31.7 peratus
- Tahap Kepuasan Penduduk Terhadap Perkhidmatan PBT: Sasaran 85 peratus, capai 94.21 peratus

PROJEK BELUM CAPAI SASARAN (44 PERATUS)

- Penembusan Jalur Lebar Tetap: Sasaran 70 peratus, capai 64.1 peratus
- Kadar Kemiskinan Mutlak: Sasaran 0.7 peratus, capai 0.9 peratus
- Tahap Purata Tahunan Kualiti Udara PM2.5 ($\mu\text{g}/\text{m}^3$): Sasaran 15 $\mu\text{g}/\text{m}^3$, capai 21.56 $\mu\text{g}/\text{m}^3$
- Kadar Kitar Semula Sisa: Sasaran 15 peratus, capai 7.7 peratus
- Kemajuan Projek Pemacu Perubahan: Sasaran 100 peratus, sasaran 67.87 peratus
- Pencapaian Sistem Penarafan Bintang PBT: Sasaran 12 PBT, 4 PBT capai
- Perkongsian Perkhidmatan Kerajaan Digital End-to-End: Sasaran 85 peratus, capai 33.77 peratus

INTIPATI RANCANGAN SELANGOR KEDUA



MISI 1 MEMACU KEPIMPINAN EKONOMI

Mengandungi sebanyak 13 inisiatif termasuk dua projek utama iaitu IC Design Park Cyberjaya fasa dua dan Selangor Aero Park @ KLIA Aeropolis

BIDANG KEUTAMAAN

- elektrik dan elektronik - jana lebih 10,000 pekerjaan berkemahiran tinggi dan tarik pelaburan bernilai RM15 bilion
- aeroangkasa
- ekonomi digital
- automatif
- ekonomi kreatif

SASARAN

- Tingkat pertumbuhan KDNK sebanyak 6.1 peratus
- Perluas pelulusan pelaburan sehingga RM330 bilion
- Pengurangan kadar pengangguran 2.2 peratus

INISIATIF LAIN

- Projek Pembangunan Semikonduktor
- Dana Semikonduktor Selangor (Pelaburan VC)
- Subang Airport Regeneration Plan (SARP)
- Green Industrial Park (GRIP)
- Lembah Beringin High Tech Auto Valley
- Selangor Digital Future Action Plan 2026-2030
- Selangor Creative Economy Advancement Hubs (SEL-CREATE Hubs)
- Program Penggalakan dan Fasilitasi Pelaburan
- Program Integrasi Pasaran Tempatan
- Managed Industrial Park (MIP)
- Program Kepimpinan Ekonomi ASEAN

MISI 2 PEMBANGUNAN SEIMBANG, RENTASI DAERAH

Mengandungi sebanyak 10 inisiatif termasuk tiga projek utama iaitu Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA), Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) dan Pelabuhan Carey & Carey Selangor

BIDANG KEUTAMAAN

- Pembangunan ekonomi berasaskan daerah
- Mobiliti

SASARAN

- pengagihan pertumbuhan KDNK lebih saksama antara daerah

INISIATIF LAIN

- Pelaksanaan Pelan Induk Pelancongan Selangor
- Pelancongan Sukan Permotoran
- Kluster Eko-Pelancongan
- Wilayah Pembangunan Bersepadu Selangor Selatan (IDRISS)
- Pelaksanaan Pelan Induk Mobiliti Negeri Selangor
- Jajaran Rel Selangor
- Anjung Utara Selangor (dahulunya KUSDEZ)
- Selangor Mobility
- Zon Pembangunan Ekonomi – Gerbang Maritim Selangor (ZPE-SMG)
- Pelaksanaan Pelan Induk Jaringan Jalan dan Lebuhraya (JALUR)

MISI 3 NEGERI PENYAYANG DAN BERDAYA HUNI

Mengandungi sebanyak 25 inisiatif termasuk empat projek utama iaitu Rumah Mampu Milik, Skim Smart Sewa to Ownership (2STAY), Program Bantuan dan Sokongan Isi Rumah serta Iltizam Selangor Sihat dan Inisiatif Rawatan

BIDANG KEUTAMAAN

- Perumahan dan komuniti
- Kos sara hidup
- Penjagaan kesihatan dan kesejahteraan keluarga
- Budaya dan warisan
- Belia dan sukan

SASARAN

- Kenaikan Mata Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia

Pada 7 Ogos, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari membentang pelan lima tahun negeri sehingga 2030 yang mengandungi enam misi.

INISIATIF LAIN

- Naik Taraf dan Penyelenggaraan Rumah
- Peningkatan Kebolehhidupan Bandar Strata
- Projek Pembaharuan Semula Bandar dan Pengangkutan Bersepadu
- Pendigitalan Masjid
- Gagasan Rumpun Selangor 2.0
- Program Kampung Baru Maju 2030
- Program Pembangunan Orang Asli
- Indeks Pelbagai Dimensi untuk Kemiskinan Bandar
- Program Akses Komuniti Makanan
- Selangor Keluarga Sejahtera
- Tadbir Urus dan Peraturan Ekonomi Penjagaan
- Pelaburan dan Perkongsian Ekonomi Penjagaan
- Program Mental Sihat Selangor
- Inisiatif Saringan Kesihatan
- Pencegahan Penyakit dan Kawalan Vektor
- Selangor Mesra Warga Emas
- Inisiatif Kesejahteraan Inklusif
- Pemeliharaan Budaya dan Warisan
- Inisiatif Belia Inklusif
- Inisiatif Sukan Inklusif
- 1 Sukan 1 PBT

MISI 4 MODAL INSAN PRODUKTIF DAN INKLUSIF

Mengandungi sebanyak 23 inisiatif termasuk empat projek utama iaitu Majlis Kemahiran Pekerjaan Selangor (Selangor Kerjaya), Pemerkasaan Wanita dalam Tenaga Kerja dan Kepimpinan, Pembangunan Bakat bagi Industri Berimpak Tinggi, Program Selangor Tech Xccelerator dan Platform Selangor (Pendigitalan Usahawan)

BIDANG KEUTAMAAN

- Penyertaan Tenaga Kerja
- Keusahawanan
- Pendidikan dan Latihan
- Perusahaan Halal

SASARAN

- Peningkatan Pendapatan Median RM14,500



- Pengurangan Kadar Pengangguran 2.2 peratus

INISIATIF LAIN

- Inisiatif Tenaga Kerja Peduli Selangor
- Pemerkasaan Wanita dalam Tenaga Kerja dan Kepimpinan
- Independent Living Support Centre (ILSC)
- Program Inisiatif Kemahiran Teknikal Ikhtisas dan Smart Selangor (IKTISASS)
- Biasiswa dan Tajaan Mahasiswa
- Program Pemerkasaan Mahasiswa
- Program Pemberdayaan Pelajar Sekolah
- Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)
- Program Naik Taraf Kemajuan Infrastruktur Institusi Pendidikan Negeri dan Sekolahsekolah
- Selangor University Network Council (SUNC)
- GROW & GROW Plus (Keusahawanan untuk Siswazah)
- SAY ASPIRE (Program Sedia Export)
- SAY LEAD (Keusahawanan untuk OKU)
- DANA PLUS oleh Hijrah Selangor (Pembiayaan Mikro Digital)
- Dana Usahawan Madani Selangor (Geran)
- Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan (Geran)
- Ekosistem Kooperasi Selangor
- Pembangunan Kapasiti Halal
- Hab Halal Selangor 2.0

MISI 5 NEGERI LESTARI, BERDAYA TAHAN DAN STRATEGIK

Mengandungi sebanyak 14 inisiatif termasuk tiga projek utama iaitu Projek Infrastruktur Banjir, Projek Infrastruktur Sisa-ke-Tenaga, Skim Bekalan Air dan Gerbang Maritim Selangor

BIDANG KEUTAMAAN

- Ketahanan Iklim & Pengurusan Bencana
- Pemeliharaan dan Biodiversiti
- Teknologi Hijau dan Bandar Rendah Karbon

- Pengurusan Sisa dan Ekonomi Kitaran
- Keterjaminan Air

SASARAN

- Pewartaan Tanah Hutan Simpan sekurang-kurangnya 31 peratus tanah negeri diwartakan sebagai hutan simpan
- Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau

INISIATIF LAIN

- Sistem Pengurusan Data Iklim Bersepadu
- Climate Adaptation Programmes (CAPs)
- Program Pemuliharaan Hutan Selangor
- Program Karbon Selangor
- Pelan Tindakan Iklim Peringkat PBT
- Inisiatif Penyahkarbonan & Pengurangan Pelepasan
- Program Kitar Semula Selangor
- Pelan Induk Air
- Infrastruktur Kitar Semula Selangor
- Pemantauan, Pemuliharaan & Kecekapan Air
- Penguatkuasaan mengenai Pencemaran Air
- Selangor Agenda for Green Economy (SAGE)

MISI 6 KERAJAAN EFEKTIF, MESRA RAKYAT DAN PERNIAGAAN

Mengandungi sebanyak 13 inisiatif termasuk tiga projek utama iaitu Penerimaan dan Pecutan AI, Selangor Greater Klang Valley (SGKV), Reformasi Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus Negeri Selangor (RSTU)

BIDANG KEUTAMAAN

- Kerajaan & Tenaga Kerja Digital
- Kemudahan Berniaga & Tadbir Urus Baik
- Kepelbagaian dan Kemampunan Aliran Hasil
- Penjajaran Strategik GLC & Program Negeri

SASARAN

- Peningkatan prestasi kecekapan dan kualiti perkhidmatan PBT
- Kerajaan Digital End-to-End

INISIATIF LAIN

- Pembangunan Central Data Warehouse (CaWah) Negeri Selangor
- Central Spatial Data Platform (CSDP)
- Pembangunan Modal Insan Kakitangan Negeri Selangor
- Selangor Urban Observatory (SUO)
- Mempercepatkan Pelaksanaan Sistem Perolehan Digital Kerajaan Secara Berpusat
- Reformasi PBT
- Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pusat
- Rangkaian Kerajaan Digital Selangor
- Sumber Hasil yang Pelbagai dan Inovatif
- Penjajaran Dasar Persekutuan, Negeri dan Tempatan

Lepasi angka sasaran RS-1

Sasar pendapatan isi rumah RM14,500 sebulan

Oleh **DEWI ABDUL RAHMAN**

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menyoar pendapatan median isi rumah naik kepada RM14,500 sebulan menjelang tahun 2030 melalui pelaksanaan Rancangan Selangor Kedua (RS-2).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu sasaran berkeinginan meningkat hampir 35 peratus berbanding pendapatan median isi rumah semasa iaitu RM10,726 sebulan.

Katanya, penetapan angka tersebut sekali gus meneruskan momentum kejayaan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) berikutan Selangor melepasi sasaran pendapatan median isi rumah dalam RS-1.

"Kita menyasarkan pendapatan isi rumah RM9,290 sebulan dan menurut angka terkini Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan median isi rumah di Selangor berjumlah RM10,726 sebulan, iaitu hampir RM1,500 melebihi sasaran," katanya.

Beliau berkata Kerajaan Negeri turut menyasar kadar pengangguran diturunkan kepada 2.2 peratus manakala pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 6.1 peratus menjelang 2030.

"Kita menyedari sasaran ini bukan mudah dicapai, tetapi kita yakin sekiranya kesemua 23 inisiatif yang digariskan dalam Misi Keempat ini, Insha-Allah sumber utama negeri Selangor iaitu

tenaga kerja dan rakyat kita akan terus kukuh, berkeyakinan dan makmur," katanya.

Amirudin menjelaskan pembangunan modal insan menjadi keutamaan besar berikutan populasi Selangor diunjur meningkat kepada kira-kira 8.1 juta orang menjelang tahun 2049.

Beliau menegaskan kekuatan sebenar Selangor bukan terletak kepada sumber asli atau keluasan tanah, sebaliknya penduduk kerana sumber tanah terhad dan tiada sumber petroleum mahupun gas.

"Sumber kita adalah rakyat," katanya yang menyatakan negeri memerlukan tenaga kerja lebih berkemahiran dan berdaya saing pada masa depan.

Berkaitan perkembangan teknologi, Amirudin berkata Selangor mahu memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran tenaga kerja bagi mengelak rakyat tercicir dalam era kecerdasan buatan (AI).

"Di Selangor, kita mahu mengelak 'Al Imperialism' di mana hanya satu atau dua negara yang mempunyai kemahiran dalam bidang baharu sementara rakyat lain menjadi penyumbang kepada sistem feudal baharu ini.

"Keadaan ini mendesak Kerajaan Negeri untuk lebih aktif mencari ruang serta peluang berasaskan prinsip pembelajaran sepanjang hayat.

"Ini kerana perubahan pesat teknologi dan ekonomi, budaya tangkas serta kemampuan beradaptasi amat penting



supaya jurang pendapatan dalam kalangan rakyat tidak melebar," katanya lagi.

Menurut Amirudin, Selangor akan memperkemas kerangka Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang diterajui Pusat Pembangunan Kemahiran dan Teknikal Selangor (STDC).

Langkah itu bertujuan mengelak-

kan pertindihan kursus latihan, selain memastikan program TVET memenuhi keperluan sebenar industri.

Katanya, Majlis Jaringan Universiti Selangor (SUNC) pula akan ditubuh bagi menghimpun institusi pengajian tinggi awam dan swasta manakala Universiti Selangor (UNISEL) beralih kepada model universiti industri.

Tubuh Majlis Kemahiran Pekerjaan Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor mahu menubuhkan Majlis Kemahiran Pekerjaan Selangor (MKPS) bagi menangani masalah ketidakpadanan kemahiran tenaga kerja dengan kehendak pasaran masa kini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu penubuhan MKPS penting berdasarkan pengalaman dan beberapa program yang digerakkan pentadbiran negeri dalam isu berkenaan.

"Supaya industri, pihak akademik, penggubal dasar serta pekerja sendiri dapat merangka hala tuju yang adaptif untuk mengatasi isu ketidakpadanan kemahiran," katanya.

Beliau memberitahu perhatian juga diberi kepada pembangunan ekonomi penjagaan melibatkan pekerja tidak for-

mal yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan warga emas.

Menurutnya, usaha berkenaan penting bagi memastikan pekerja dalam sektor tersebut mendapat bimbingan serta sokongan yang lebih tersusun.

"Ini termasuk meningkatkan peluang dan penglibatan wanita di dalam ekonomi terutamanya ibu yang baru melahirkan anak dan ingin kembali ke bidang kerja melalui Program Kembali Bekerja," katanya.

PTRS diperluas

Selain itu, Amirudin berkata Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) akan diperluas kepada 200,000 pelajar bagi memastikan lebih ramai pelajar dari pelbagai latar belakang memperoleh akses

kepada pendidikan berkualiti.

"Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) yang telah menunjukkan hasil positif akan diperkembangkan kepada 200,000 pelajar menjelang tahun 2030.

"Langkah ini bagi memastikan prestasi pelajar daripada pelbagai latar belakang dapat terus ditingkatkan," katanya.

PTRS menerima pengiktirafan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor selama tiga tahun berturut-turut hasil sumbangannya terhadap pencapaian calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Bagi memperkukuh ekosistem keusahawanan pula, Amirudin berkata 150,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bakal menerima bimbingan menerusi Platform Selangor (PLATS) yang diposisikan sebagai program unggul keusahawanan negeri.

"PLATS akan diposisikan sebagai program unggul keusahawanan negeri dan menyasarkan 150,000 PKS di seluruh Selangor untuk terlibat menerima bimbingan, latihan, kemahiran digital, kemahiran pengurusan kewangan serta strategi pengembangan perniagaan," katanya.

Beliau berkata program sokongan lain seperti Program Usahawan Siswazah (GROW), DANA PLUS dan Hab Halal Selangor 2.0 turut diperkukuh bagi membantu PKS memperoleh pembiayaan, meningkatkan kapasiti serta menembusi pasaran ASEAN.

"Bagi industri halal, program pembangunan kapasiti dan Hab Halal Selangor 2.0 pula akan dimanfaatkan bagi membantu syarikat PKS mengembangkan pasaran," katanya.

Imbangi pembangunan, alam sekitar

Pelan induk tangani banjir berasas data

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor berazam untuk mengimbangi pembangunan dengan kelestarian alam sekitar seterusnya memiliki daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana termasuk banjir.

Justeru, Rancangan Selangor Kedua (RS-2) memberi tumpuan kepada peralihan dari kegiatan konvensional kepada industri berteknologi tinggi, bernilai tambah dan berasaskan inovasi.

Ia meliputi kesiapsiagaan banjir, perlindungan ekosistem serta penggunaan infrastruktur hijau dan penyelesaian berasaskan alam untuk mengurangkan risiko perubahan iklim.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu Projek Infrastruktur Banjir yang komprehensif akan dijalankan termasuk membuat semakan pasca-pelaksanaan projek sedia ada.

Beliau memberitahu ia meliputi peluasan infrastruktur mitigasi dan mewajibkan penyepaduan penyelesaian berasaskan alam semula jadi dalam projek pembangunan baharu.

Katanya, Pelan Mitigasi Banjir Selangor (SelfMiP) menjadi pelan induk yang dijangka berupaya membenamkan perspektif risiko iklim dalam setiap perancangan dasar dan pembangunan daerah.

Menurutnya, Sistem Pengurusan Data Iklim Bersepadu pula menyatukan data bencana, hidrologi dan geospasial merentas agensi negeri, meningkatkan ketepatan amaran awal dan mempercepat tindak balas bencana.

"Kita sedar bahawa isu banjir masih menjadi satu cabaran yang menyentuh hati rakyat. Setiap episod banjir adalah sebuah tragedi keluarga yang tidak sepatutnya berlaku jika kita merancang dan melabur dengan tepat," katanya.

RS-2 dalam Misi Lima memberi tumpuan kepada

lima bidang keutamaan utama, iaitu ketahanan iklim dan pengurusan bencana, pemeliharaan biodiversiti, penerapan teknologi hijau dan bandar rendah karbon, pengurusan sisa menerusi ekonomi kitaran, serta pengukuhan keterjaminan air.

Jaminan bekalan air

Bagi memastikan bekalan air bersih 24 jam terus terjamin, Kerajaan Negeri akan meneruskan beberapa projek infrastruktur utama termasuk Loji Rawatan Air Rasau Fasa 1 dan 2, Langat 2 Fasa 2 serta Labohan Dagang Fasa 2.



Menurut Amirudin, projek itu akan meningkatkan kapasiti rawatan air negeri, mengurangkan tekanan terhadap loji sedia ada serta memenuhi permintaan yang meningkat dalam sektor domestik dan perindustrian.

"Inisiatif ini berhasrat menambah kapasiti rawatan air negeri secara signifikan, mengurangkan tekanan ke atas loji sedia ada. Ia juga bagi memastikan bekalan air yang selamat untuk memenuhi pertumbuhan populasi dan industri Selangor," katanya.

Selain itu, beliau juga memberitahu projek Gerbang Maritim Selangor (SMG) juga diteruskan melalui usaha pemulihan Sungai Klang yang menunjukkan perkembangan positif.

Kurangkan pelepasan karbon 35 peratus

SHAH ALAM - Selangor menyasar pengurangan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) sebanyak 35 peratus menjelang tahun 2035, seiring keperluan global terhadap piawaian alam sekitar yang tinggi.

Menurut Dato' Menteri Besar, ia mencerminkan kesungguhan bertenusan dalam memperkukuh agenda kelestarian alam sekitar seterusnya meningkatkan ketahanan negeri terhadap kesan perubahan iklim.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata komitmen kepada kelestarian alam dan ketahanan terhadap perubahan iklim bukan sekadar kewajipan moral, sebaliknya keperluan strategik dunia.

"Selangor akan mengurangkan pelepasan

GHG sebanyak 35 peratus menjelang 2035 berbanding garis dasar 2005," katanya.

Beliau berkata Selangor perlu membuat persediaan komprehensif bagi memastikan ekonomi dan kesejahteraan negeri kekal tahan uji dari sebarang ancaman terutama perubahan iklim.

Katanya, kajian Swiss Re Institute dan laporan Forum Ekonomi Dunia menunjukkan ekonomi dunia berupaya kehilangan keseluruhan 18 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) akibat kesan perubahan iklim menjelang tahun 2050.

"Ekonomi negara-negara di Asia mempunyai risiko tertinggi kerana kekurangan persediaan menghadapi

kesan perubahan iklim. Sebagai contoh, China berisiko hilang 24 peratus nilai GDP berbanding Amerika Syarikat pada nilai 10 peratus," katanya.

Pada masa sama, Amirudin menegaskan Selangor juga akan mengekal Tanah Hutan Simpan Diwartakan pada sekurang-kurangnya 31 peratus daripada keseluruhan tanah negeri menjelang tahun 2030.

Bagi mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan pula, dua loji Waste-to-Energy (WTE) di Tanjung Dua Belas, Kuala Langat dan Sultan Idris Shah Green Energy (SISGE), Rawang akan memproses sehingga 2,400 tan sisa sehari selain menjana 58 megawatt (MW) tenaga elektrik.

"Projek infrastruktur WTE di dua loji WTE utama di Tanjung Dua Belas (Kuala Langat) dan Sultan Idris Shah Green Energy (SISGE) di Rawang akan memproses 2,400 tan sisa sehari dan menjana 58 MW elektrik.

"Ini adalah penyelesaian yang mengatasi dua cabaran sekali gus iaitu mengurangkan pergantungan kepada tapak pelupusan dan menjana tenaga boleh baharu," kata Amirudin.

Katanya, Kerajaan Negeri juga memperluas Selangor Agenda for Green Economy (SAGE), pembangunan Kemudahan Pemulihan Material (MRCF), projek KRIS oleh KDEB serta meneroka potensi tenaga nuklear sebagai sumber tenaga jangka panjang.

Sasar PBT bertaraf lima Bintang

Amalan Kerajaan Digital, AI tingkat penyampaian

Oleh **EVELYN MOSES**

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menyasar semua 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) mencapai 95 peratus skor Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) menjelang tahun 2030.

Menurut Dato' Menteri Besar, sasaran itu bertujuan mewujudkan pentadbiran yang lebih cekap, responsif terhadap rakyat dan mesra perniagaan, sekali gus membawa keyakinan pelabur dan pertumbuhan ekonomi.

"Pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah adalah kunci untuk menarik keyakinan pelabur, membina ekonomi yang mampan serta memelihara perpaduan rakyat," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menegaskan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan asas penting dalam membina Selangor yang maju dan makmur melalui pelaksanaan Misi Keenam Rancangan Selangor Kedua (RS-2).

Katanya, Kerajaan Negeri juga menyasar 85 peratus Perkongsian Perkhidmatan Kerajaan Digital End-to-End menjelang 2030 bagi memperkukuh perkongsian data antara agensi kerajaan.

Menurut Amirudin, inisiatif tersebut akan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam berasaskan tadbir urus yang baik selain mempercepat proses membuat keputusan.

Pada masa sama, beliau menggesa semua PBT di negeri ini memberi perhatian serius terhadap setiap aduan dan maklum balas rakyat sama ada melalui media sosial mahupun saluran rasmi.

"PBT perlu lebih proaktif dalam mendepani cabaran pembandaran dan memenuhi keperluan rakyat. Saya menyeru semua PBT di Selangor menyahut agenda ini demi membina negeri yang mampan, inklusif, maju dan sejahtera untuk semua," katanya.

Pacu transformasi digital

Dalam mempercepat transformasi digital pentadbiran negeri, Selangor akan memperluaskan penggunaan kecerdasan buatan (AI) menerusi Program Teraju AI dan Pusat Inkubasi AI Selangor.

Beliau berkata pelaksanaan tersebut dijalankan bawah Pusat Kecemerlangan Inovasi Antarabangsa Selangor (SLIICE) kendalian Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC).

Katanya, program itu tertumpu kepada penyelesaian AI untuk agensi kerajaan, pensijilan profesional AI kepada

SISTEM PENARAFAN BINTANG PBT

01

Piawaian perkhidmatan awam yang tinggi untuk dinikmati rakyat tanpa mengira lokasi atau daerah

02

Sasaran skor: 95 peratus Perkongsian Perkhidmatan Kerajaan Digital End-to-End

03

Ukur tahap penyepaduan dan perkongsian perkhidmatan kerajaan digital secara menyeluruh

04

Sasaran skor: 85 peratus

USAHA KE ARAH KERAJAAN, TENAGA KERJA DIGITAL

Pembangunan Gudang Data Berpusat: Menyatukan dan mengurus data kritikal pelbagai jabatan dan agensi negeri Selangor bagi memperkukuh penyelarasan

Pelantar Data Spasial (ruangan) Berpusat: Perkongsian data geospasial antara agensi kerajaan dalam pembuatan keputusan dan penguatkuasaan

Penerapan & Pemecutan AI: Teraju AI dan Pusat Inkubasi AI Selangor mempercepat penggunaan kecerdasan buatan dalam tadbir urus negeri

Balai Cerap Bandar Selangor atau Selangor Urban Observatory: pengurusan data bandar bersepadu bagi menyokong pembuatan keputusan berasaskan bukti

tenaga kerja serta penyediaan platform inkubator bagi membangunkan ekosistem AI negeri.

"Penerapan dan pecutan AI melalui Program Teraju AI dan Pusat Inkubasi AI Selangor akan mempercepatkan penggunaan kecerdasan buatan dalam tadbir urus negeri," kata Amirudin.

Kerajaan Negeri juga memperluas pelaksanaan Pusat Gudang Data bagi menyatukan data pelbagai jabatan dan agensi sekali gus memastikan keputusan dibuat lebih tepat berdasarkan maklumat.

Selain itu, Pelantar Data Spasial (ruangan) Berpusat yang dibangunkan bersama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) akan memperkukuh penggunaan data geospasial dalam perancangan infrastruktur.

Balai Cerap Bandar Selangor atau Selangor Urban Observatory (SUO) pula berfungsi sebagai pusat analitik negeri yang mengintegrasikan teknologi internet kebendaan (IoT) dan data raya bagi menyokong pembangunan bandar pintar.

Mempelbagai sumber

Amirudin berkata Selangor akan mempelbagai sumber hasil melalui pengukuhan syarikat berkaitan kera-

jaan (GLC) ekoran kira-kira 75 peratus pendapatan negeri bergantung kepada hasil berasaskan tanah.

"Penjajaran strategik antara GLC dan program negeri akan diperkasa bagi memaksimumkan impak pelaburan awam selain memastikan setiap entiti negeri memainkan peranan lebih berkesan," katanya.

Beliau berkata Selangor juga mahu menyusun semula fungsi anak syarikat selain menubuhkan Syarikat Pelaburan Induk Negeri yang bersepadu bagi meningkatkan kecekapan pengurusan, mengurangkan kos operasi dan memaksimumkan pulangan pelaburan.

Usaha itu turut disokong melalui pelaksanaan program THRIVE28 oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI yang menasaskan pendapatan terkumpul RM8 bilion menjelang 2028.

"Penjajaran GLC ini akan memastikan tiada pertindihan fungsi dan peranan antara anak-anak syarikat, selain membolehkan mereka berkembang dengan sasaran baharu yang selari dengan perubahan ekonomi semasa.

"Selangor perlu memberi tumpuan kepada sektor ekonomi berasaskan teknologi dan perkhidmatan bagi memastikan negeri terus berdaya saing," katanya.

Kekalkan keyakinan pelabur, sedia dasar konsisten

Kestabilan politik penting untuk capai sasaran RS-2

Oleh **YASMIN RAMLAN**

SHAH ALAM - Rancangan Selangor Kedua (RS-2) menyediakan hala tuju jelas bagi pembangunan jangka panjang negeri, namun kejayaannya bergantung kepada kestabilan politik, dasar yang konsisten, halangan peraturan yang rendah serta pentadbiran awam yang cekap.

Pengasas dan Pengarah Williams Business Consultancy Sdn Bhd Prof Geoffrey



Williams berkata asas-asas tersebut penting bagi mengekalkan keyakinan pelabur, khususnya dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi global yang semakin meningkat.

Beliau berkata sasaran Selangor untuk mencapai ekonomi bernilai RM600 bilion menjelang 2030 boleh dicapai, namun ia mencabar kerana negeri itu perlu mengekalkan pertumbuhan ekonomi hampir tujuh peratus setahun dalam tempoh empat tahun akan datang.

"Cabaran utama ialah persaingan da-

ripada negeri-negeri lain, khususnya Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), pertumbuhan ekonomi keseluruhan di peringkat nasional dan global serta paling utama ketidakstabilan politik.

"Justeru, mengekalkan persekitaran politik yang stabil dan dasar yang konsisten amat penting dalam menarik serta mengekalkan pelabur," katanya kepada Media Selangor.

Williams berkata walaupun RS-2 merupakan pelan yang komprehensif, ia masih belum menunjukkan perubahan besar ke arah meningkatkan daya saing dan kemudahan menjalankan perniagaan.

"Pelan baharu ini mengikut struktur yang agak standard, dengan lima sektor sasaran dan 13 inisiatif strategik. Walaupun ia menarik, pelan ini belum menunjukkan perubahan ke arah inovasi, persaingan yang lebih tinggi, ketangkasan, kecekapan kawal selia atau kemudahan menjalankan perniagaan," katanya.

Ketika membentangkan RS-2 di Dewan Negeri Selangor pada 7 Ogos, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sasaran ekonomi bernilai RM600 bilion menjelang 2030 itu dipacu lima sektor pertumbuhan tinggi iaitu elektrik dan elektronik, aeroangkasa, automotif, ekonomi digital serta ekonomi kreatif.

Usaha berkenaan juga akan disokong menerusi 13 inisiatif strategik bagi memacu pertumbuhan ekonomi mampan, memperkukuh pelaburan domestik dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Hasil baharu

Beliau turut berkata Kerajaan Negeri akan mempelbagaikan sumber hasil menerusi pembiayaan inovatif, penglibatan lebih besar syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta, selain menanamkan baik tadbir urus entiti milik Kerajaan Negeri.

Dokumen ringkasan RS-2 menyatakan sumber hasil baharu bagi memperkukuh daya tahan fiskal Selangor termasuk dividen GLC, kadar cukai atau caj khas bagi industri dan aktiviti terpilih, serta pulangan lebih tinggi daripada aset serta hartanah milik kerajaan negeri.

Sementara itu, Williams berkata dengan pelabur berpeluang mendapatkan insentif jangka panjang yang menarik menerusi inisiatif seperti JS-SEZ, Selangor perlu memperkukuh tawaran nilai negeri bagi memastikan daya saingnya terus kekal.



Justeru, mengekalkan persekitaran politik yang stabil dan dasar yang konsisten amat penting dalam menarik serta mengekalkan pelabur

GEOFFREY WILLIAMS

Pengasas dan Pengarah Williams Business Consultancy Sdn Bhd

Mengulas prospek fiskal negeri, beliau berkata, perkembangan ekonomi seharusnya meningkatkan hasil negeri secara semula jadi. Bagaimanapun, Williams mempersoalkan sama ada RS-2 memberikan penjelasan mencukupi mengenai bagaimana komitmen perbelanjaan tambahan akan dibiayai.

Williams berkata walaupun usaha mempelbagaikan hasil negeri merupakan matlamat yang positif, sebarang langkah baharu perlu dielakkan daripada menambah beban kepada perniagaan dan rakyat.

Beliau turut menyambut baik agenda RS-2 "tiada daerah yang akan tercicir", namun mencadangkan pelaksanaannya tidak hanya tertumpu kepada pembangunan ekonomi, sebaliknya turut merangkumi tambah baik infrastruktur sosial.

"Tema ini baik, tetapi ia perlu memberi tumpuan kepada infrastruktur sosial selain ekonomi. Penambahbaikan perumahan dan infrastruktur sosial, di samping memodenkan beberapa daerah yang kelihatan dan terasa agak lama, akan memberi manfaat kerana ia dapat membantu mengembangkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta menarik pelaburan swasta," katanya.

Dalam pembentangan RS-2, Amirudin memberi jaminan "tiada daerah yang akan tercicir" bagi memastikan pembangunan seimbang di seluruh negeri, selaras pendekatan "tiada siapa yang akan tercicir" yang diperkenalkan pada 2018 bagi mengurangkan jurang pendapatan antara individu dan isi rumah.

Rancangan berkenaan digariskan bawah Misi Kedua: Pembangunan Seimbang dan Peluang Saksama Merentasi Daerah yang turut menekankan perkembangan ekonomi di utara serta selatan negeri sehingga 2030.

WORLDWIDE HOLDINGS
(Co. No. 196501000639)

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

9.125 acres SUBANG BESTARI COMMERCIAL LAND

Interested companies are invited to submit proposals for the joint development of the land described below:

Property	PT 42398 Commercial Land
Location	Subang Bestari, Shah Alam
Land Area	9.125 acres
Tenure	Leasehold

Tender documents can be purchased at **RM1,000.00 per set (Ringgit Malaysia: One Thousand Only)** from:

WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD
Mercu Worldwide
No. 7, Persiaran Sukan
Laman Seri Business Park, Seksyen 13,
40100 Shah Alam, Selangor

The tender documents will be available for purchase from **10 August to 21 August 2026, during office hours from 9.00 a.m. to 5.00 p.m., Monday to Friday.**

For further enquiries, please contact :
Sharifah or Shahlawati +603 - 5526 2525 ext. 5633, 5637
or email to : info@subangbestari.com.my

Angka tepati unjuran lima tahun

Pakar: Sasaran ekonomi RS-2 boleh dicapai

Oleh **YASMIN RAMLAN**

SHAH ALAM - Rancangan Selangor Kedua (RS-2) boleh mencapai sasaran ekonomi melalui pelaksanaan kukuh dan model pembiayaan berstruktur yang memanfaatkan sumber sektor awam dan swasta.

Pensyarah Universiti Teknologi Petronas, Samirul Ariff Othman berkata keperluan RS-2 wajar dilihat sebagai program pembangunan pembiayaan campuran (blended finance) melibatkan kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, anak syarikat negeri dan sektor swasta.

Katanya, pendekatan itu membantu Selangor menggembelng sumber di luar kebiasaan hasil negeri selain memastikan pembangunan kekal mampan dari segi kewangan dan memberi pulangan jangka panjang.

"Perbezaan itu sangat penting. Unjuran hasil Selangor untuk 2026 hanya RM2.8 bilion berbanding perbelanjaan RM3.23 bilion, sekali gus menghasilkan defisit RM430 juta yang dibiayai menerusi baki terkumpul," katanya kepada Media Selangor.

Beliau berkata struktur pembiayaan itu munasabah asalkan ada pemisahan jelas antara projek yang dibiayai hasil biasa negeri, projek berdaya saing (dibiayai syarikat berkaitan kerajaan) atau modal swasta dan projek yang memerlukan pembiayaan Kerajaan persekutuan.

"Kerjasama awam-swasta tidak sepatutnya hanya mengubah perbelanjaan awam hari ini menjadi liabiliti tersembunyi pada masa depan," katanya lagi.

Menurut Samirul Ariff lagi, GLC juga tidak sepatutnya diminta menanggung projek yang tidak menguntungkan semata-mata bagi mengelak imbalan (balance sheet) negeri terjejas.

Sebaliknya, beliau berkata fokus jangka panjang perlu tertumpu kepada usaha menjadikan pelaburan negeri mampu dibiayai melalui pertumbuhan ekonomi dan kenaikan produktiviti aset.

Pertumbuhan logik

Mengenai sasaran RS-2 untuk membekalkan ekonomi Selangor kepada RM600 bilion menjelang tahun 2030, Samirul menjelaskan sasaran berkenaan sebenarnya mencabar tetapi ia boleh dicapai.

Beliau memberitahu Selangor memerlukan kadar pertumbuhan tahunan sekitar 5.45 peratus daripada RM460.1 bilion

pada tahun 2025 untuk mencapai hasrat tersebut.

RS-2 menetapkan sasaran pertumbuhan kira-kira 6.1 peratus setahun. Jika angka itu kekal sepanjang lima tahun, ekonomi negeri boleh mencapai RM619 bilion menjelang 2030.

"Oleh itu, secara matematik, RM600 bilion bukanlah satu sasaran lonjakan yang tidak realistik," kata Samirul Ariff.

Namun, beliau mengingatkan tumpuan tidak harus berpandu kepada angka ekonomi sahaja tetapi perlu memastikan pertumbuhan menghasilkan produktiviti lebih tinggi, gaji lebih baik, rangkaian pembekal tempatan lebih kukuh dan keupayaan teknologi semakin baik.

"Cabaran yang lebih sukar adalah memastikan ia menjadi ekonomi berproduktiviti tinggi bernilai RM600 bilion, bukannya sekadar ekonomi bersaiz lebih besar," katanya.

Lima sektor utama dalam RS-2 juga dianggap pilihan yang seiring kekuatan negeri iaitu memiliki infrastruktur industri, rangkaian logistik, tenaga kerja mahir dan kedudukannya berhampiran KLIA dan Pelabuhan Klang.

"Oleh itu, sektor keutamaan perlu dilihat sebagai pemacu pertumbuhan (growth accelerators) dan bukannya keseluruhan enjin ekonomi," katanya.

Beliau berkata Selangor juga boleh memaksimumkan faedah pelaburan semikonduktor dengan melangkaui aktiviti pemasangan dan pembuatan ke arah reka bentuk litar bersepadu, pembungkusan termaju, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta perkhidmatan kejuruteraan.

Perbandingan

Dalam perbandingan dengan Rancangan Selangor Pertama (RS-1), Samirul berkata RS-2 lebih selektif dari segi ekonomi, lebih berfokus mengikut geografi dan memberi penekanan besar kepada modal insan dan reformasi institusi.

"RS-1 dikira agak berjaya sebagai kerangka pembangunan menyeluruh, namun pelaksanaannya terutama projek yang memacu transformasi ekonomi lebih sukar berbanding mereka bentuk program itu sendiri," katanya.

Dalam RS-1, sebanyak 184 daripada 282 projek, program dan inisiatif bawah RS-1 berjaya disiapkan. Keseluruhan pelaksanaan pula pada kadar 79.11 peratus.

Samirul menjelaskan RS-2 juga boleh

memanfaatkan pengalaman RS-1 dengan memberi penekanan lebih besar kepada hasil yang boleh diukur dan memantau kemajuan melalui petunjuk lebih jelas.

Beliau juga tertarik dengan konsep "tiada daerah yang tersicir" dalam RS-2 dengan menyeimbangkan pembangunan dengan setiap daerah berdasarkan kekuatan masing-masing, bukannya mengulangi industri sama di seluruh negeri.

"Matlamatnya adalah peluang pembangunan yang saksama, bukannya struktur ekonomi yang serupa," katanya sambil memetik sektor pertanian dan teknologi agro di Sabak Bernam, aeroangkasa dan logistik di Sepang, serta industri maritim dan berkaitan pelabuhan di Klang sebagai contoh.

Mengenai kepelbagaian hasil, Samirul berkata langkah mengurangkan kebergantungan terhadap premium tanah dan

cukai tanah disifatkan pendekatan yang munasabah ekoran kira-kira 75 peratus daripada hasil semasa negeri terikat dengannya.

Dokumen RS-2 menyatakan sumber hasil baharu untuk memperkukuh daya tahan fiskal Selangor merangkumi dividen GLC, kadar cukai atau caj khas bagi industri dan aktiviti terpilih, serta pulangan lebih tinggi daripada aset dan hartanah milik negeri.

Beliau menyokong pulangan lebih tinggi daripada GLC dan aset negeri serta pembiayaan inovatif tetapi mengingatkan cukai khusus sektor tidak dikenakan ke atas industri strategik kerana ia boleh menjejaskan daya saing pelaburan.

"Prinsipnya sepatutnya: kenakan cukai ke atas sewa ekonomi (economic rents) dan kesankesan luaran negatif (negative externalities), bukannya ke atas pelaburan produktif," katanya.

TROPICANA AMAN
KOTA KEMUNING

UNIT/ LOT BUMIPUTERA
POTONGAN HARGA BUMIPUTERA

VARIA
2, 3 & 4 STOREY SHOP OFFICES

KEDAI PEJABAT 2, 3 & 4 TINGKAT
22' X 70' / 24' X 70' / 28' X 70' / 30' X 70' / 37' X 70' / 39' X 70' / 40' X 70'

1700 81 8868
tropicanaaman.com.my

TROPICANA AMAN PROPERTY GALLERY
No. 3, 1, Persiaran Tropicana Aman,
Bandar Tropicana Aman, 42000 Telok
Panglima Garang, Selangor.

EDGE
Property
Developer
2025

FIABCI
AWARDS
2025

hubs
AWARDS
2025

TROPICANA

PEMAJU: TROPICANA AMAN SDN. BHD. (030655-A). SEMUA GAMBAR, IMEJ, VISUAL, BAHAN, ILUSTRASI/GAMBARAN ARTIS DAN MAKLUMAT ADALAH KONSEP KREATIF/ARTISTIK SEMATA-MATA UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA DAN TIDAK BERTUJUAN UNTUK MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA KONTRAK ATAU WARANTI. WALAUPUN LANGKAH YANG WAJIB TELAH DIAMBIL, DALAM PENYAMPAPAN MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DI SINI PEMAJU TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB ATAS SEBARANG KETIDAKTEPATAN ATAU VIRALITI BILAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH SABATAN PERUMAHAN NEGARA

MERIAH...

Penggemar minuman berkafein tidak melepaskan peluang mengunjungi Pesta Kopi Melawati 2.0 di Taman Melawati, Ampang Jaya pada 8 Ogos. Program bertema 'Kopi Kita dan Alam Kita' itu menyasar kehadiran 5,000 pengunjung sepanjang dua hari penganjuran. Disertai kira-kira 50 usahawan, program berkenaan juga menjadi ruang terbaik mempromosikan Gombak-Hulu Langat Geopark sebagai destinasi pelancongan alam.

Foto FIKRI YUSOF



Persatuan saran sedia lorong bas khas

Pendekatan tegas galak guna pengangkutan awam

Oleh **ADAM AZMAN**

SHAH ALAM - Persatuan Pengguna Pengangkutan Awam Malaysia (4PAM) menyarankan pendekatan tegas bagi menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam kepada 60 peratus menjelang tahun 2030.

"Langkah lebih tegas diperlukan termasuk pelaksanaan lorong bas khas dengan penguatkuasaan ketat, caj kesesakan di bandar serta rasionalisasi subsidi bahan api bagi mengurangkan kebergantungan berlebihan terhadap kenderaan persendirian," kata Presidennya, Ajit Johl.

Beliau juga menegaskan sistem itu juga mesti selamat, boleh dipercayai dan berintegrasi dengan baik bagi menggalakkan pengguna kenderaan persendirian beralih kepada pengangkutan awam.

"Perundangan juga perlu diperkukuh bagi melindungi hak pengguna, memastikan piawaian keselamatan sentiasa dipatuhi serta meningkatkan penguatkuasaan terhadap penyedia perkhidmatan yang gagal mematuhi peraturan," katanya kepada Media Selangor.

Menurut Ajit, pengguna mementingkan perkhidmatan yang menepati masa, bersih dan selesa selain kelancaran perkhidmatan rel, bas dan pengangkutan lain dan disokong maklumat perjalanan masa nyata serta tambang berpatutan.

Katanya, cadangan membina laluan berbumbung pejalan kaki berhampiran stesen rel dalam Rancangan Selangor Kedua (RS-2) berupaya menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian bagi perjalanan jarak dekat.

Namun, beliau mengingatkan penyelarasan antara pihak berkuasa tempatan, faktor peruntukan dan penyelenggaraan yang konsisten penting bagi memastikan inisiatif tersebut mencapai kejayaan.

Katanya lagi, keselamatan pejalan kaki perlu kekal sebagai keutamaan dengan menyediakan kemudahan pencahayaan yang mencukupi, liputan kamera litar tertutup (CCTV) dan rondaan keselamatan.

Pengarah Urusan MDS Consultancy Group Rosli Azad Khan pula berkata sasaran untuk meningkatkan bilangan pengguna pengangkutan awam hanya berlaku

jika perancangan tidak terhad kepada infrastruktur rel semata-mata, sebaliknya meliputi keseluruhan liputan perjalanan pengguna.

"Keutamaan perlu diberi kepada penyelesaian masalah kesalinghubungan batuan pertama dan terakhir dengan memastikan setiap stesen ada laluan pejalan kaki berbumbung yang selamat, laluan berbasikal serta perkhidmatan bas pengantara yang kerap," katanya.

Rosli berkata perkhidmatan bas perlu diberi keutamaan dengan menyediakan lorong khas di jalan raya dan lebuh raya utama kerana daya tarikan bas sebagai pengangkutan pilihan merosot jika terperangkap dalam kesesakan seperti kenderaan persendirian.

Katanya, pengguna akhirnya mengutamakan sistem yang mudah, pantas dan boleh dipercayai dengan kekerapan perkhidmatan yang tinggi, sistem tiket bersepadu dan hubungan lancar antara bas dan perkhidmatan rel.

"Jika pengguna yakin tren tiba mengikut jadual dan bas pengantara tersedia apabila mereka tiba di stesen, mereka akan lebih bersedia meninggalkan kereta di rumah," katanya.